

19/02/2001

PDS meterai MoU dengan lima syarikat Korea

PDS Technology (M) Sdn Bhd (PDS), syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan lima syarikat teknologi keselamatan dan penyedia penyelesaian di Seoul, Korea.

Syarikat terbabit ialah Ahnlab Inc; BCQRE Co Ltd; Contents-Korea Co Ltd; Securesoft Inc dan Tarae Information & Communication Co Ltd.

Objektif kerjasama dengan kelima-lima syarikat itu adalah untuk membentuk sebuah Pusat Teknologi Keselamatan Lengkap Sehenti di Malaysia selain meningkatkan kerjasama, memindahkan teknologi dan memajukan teknologi baru di negara ini.

Dalam MoU itu, PDS diwakili ketua eksekutifnya, Y C Chung.

Dalam satu kenyataan, PDS berkata, menerusi MoU itu juga, sebuah syarikat kerjasama akan ditubuhkan untuk menerajui bidang keselamatan komputer di Malaysia dan rantau ini.

Ia termasuk Firewall, keselamatan jaringan peribadi maya (VPN), keselamatan komputer peribadi (PC), antivirus dan perkhidmatan perundingan keselamatan.

PDS juga aktif dalam sistem pengawasan keselamatan digital, forensik komputer, pengesanan penceroboh dan bangunan pintar.

Kenyataan itu berkata, rakan di Korea akan membekalkan bantuan teknologi bagi menyokong syarikat kerjasama di Malaysia melalui kemudahan penyelidikan dan pembangunan masing-masing yang akan diadakan di Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) PDS di Cyberjaya.

Ketua Pegawai Teknologi PDS, Dr Kamil Fikri, berkata pusat R&D PDS di Cyberjaya kini sedang mengusahakan pembangunan di bidang sistem penyimpanan data.

Katanya, MoU dan pembentukan syarikat kerjasama itu akan menjadi mercu tanda bagi pembangunan MSC dan pencapaian aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Korea adalah antara negara penyedia teknologi terpentas dalam bidang Internet dan teknologi komunikasi ketika ini dan diakui oleh masyarakat IT antarabangsa menerusi pelbagai laporan dan penerbitan seperti IDC.

(END)